

Kepemimpinan Pak Lah beri nafas baru: Bank

BH - 8/6/2007.

Merrill Lynch puji pendekatan Perdana Menteri tadbir negara

KUALA LUMPUR: Bank saudagar antarabangsa, Merrill Lynch berkata, meskipun pembaharuan yang dicatatkan Malaysia ketika ini menarik banyak perhatian, rejim baru politik negara di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada umumnya kurang diberi penghargaan.

"Kami berasa penghargaan yang sepatutnya tidak diberikan kepada kepemimpinan baru negara di bawah pimpinan Abdullah yang mengambil alih tampuk pentadbiran pada akhir 2003," kata bank saudagar itu dalam satu analisis terbarunya mengenai Malaysia.

"Kami percaya perubahan dalam kepemimpinan ini adalah antara yang paling kurang dihargai, walaupun ia mungkin antara perkembangan terpenting di Malaysia selepas 22 tahun pemerintahan di bawah Tun Dr Mahathir Mohamad," kata bank saudagar itu dalam satu analisis yang dijalankan oleh pakar ekonomi Hong Kong, Arthur Woo.

Merrill Lynch berkata, meskipun Perdana Menteri selalu dikritik ke-

ranā terlalu perlahan, teragak-agak dan sering menyerahkan keputusan kepada persetujuan bersama, "kami percaya gaya baru kepemimpinannya mungkin yang sebenarnya diperlukan negara untuk memberi nafas baru kepada prospek pertumbuhan jangka panjang negara, terutama ketika berdepan dengan kepesatan globalisasi."

Katanya, dengan suasana kemerosotan pelaburan langsung asing (FDI), persaingan sengit di pasaran perdagangan global, kesan krisis kewangan Asia yang berlarutan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang lemah, adalah tidak menghairankan pertumbuhan pendapatan mencatatkan prestasi yang lembap sebelum peralihan politik itu.

"Ini bermakna satu strategi ekonomi baru diperlukan. Justeru, amat penting bagi pihak berkuasa Malaysia memulakan strategi baru bagi membantu memulihkan ekonomi. Berita baiknya ialah Perdana Menteri nampaknya mengemudi Malaysia di landasan yang betul.

"Ia bukanlah untuk menyatakan bahawa Malaysia tiba-tiba mengin-

jak menjadi sebuah ekonomi maju sepenuhnya; sememangnya sasaran untuk mencapai status ini masih kekal pada 2020."

Merrill Lynch berkata, sejak mengambil alih kepemimpinan, Abdullah mengambil banyak keputusan yang sukar tetapi kritikal.

"Banyak keputusan ini, yang menyelesaikan isu yang ditinggalkan daripada era Dr Mahathir, kurang dihargai," kata bank saudagar itu.

Ini termasuk penyusunan semula GLC, liberalisasi pertukaran asing, hubungan luar yang bertambah baik, mengurangkan subsidi bahan api dan membatalkan projek kurang penting.

Merrill Lynch berkata, Abdullah membuat keputusan untuk menangani prestasi buruk GLC dari sudut kewangan dan operasi yang sepatutnya sudah lama dilaksanakan.

"Ia bukan hanya mewujudkan sektor korporat yang lebih kompetitif tetapi juga menyokong keseluruhan kewangan sektor awam pada masa depan kerana ketika ini GLC membentuk lebih 50 peratus daripada 25 saham utama di Indeks Komposit

Kuala Lumpur."

Banyak daripada GLC ini lahir pada era 1980-an sebagai sebahagian daripada rancangan penggantian import kerajaan, yang ditubuhkan untuk membangunkan industri berat (contoh, automobil, keluli, kimia dan simen) dan mewujudkan komuniti perniagaan Bumiputera yang kaya.

Mengenai liberalisasi pertukaran asing, bank saudagar itu berkata, pemansuhan kawalan modal dan tambatan ringgit kepada dolar Amerika yang dilaksanakan pada 1998, berjaya membantu menepis persepsi pelabur antarabangsa bahawa Malaysia tidak terbuka kepada perniagaan.

"Langkah ini memainkan peranan penting dalam menarik semula modal dan pelaburan asing."

Keputusan untuk mengurangkan subsidi bahan api dan membatalkan projek mega seperti jambatan baru menghubungkan Malaysia ke Singapura dan landasan berkembar elektrik merentas Semenanjung memperlihatkan hakikat bahawa Abdullah memahami kepentingan disiplin fiskal. - Bernama